

Newspaper	Berita Harian
Date	6/1/2013

## Mat Sabu sokong guna kalimah

BA-611/2013

**Kuala Lumpur:** Ketika Timbalan Presiden PAS, Mohamad Sabu menyatakan sokongan berhubung penggunaan kalimah Allah untuk penganut bukan Islam, seorang lagi pemimpin kanannya menegaskan sokongan itu adalah berdasarkan ilmu Feqah dan pandangan ulama.

“Saya bukan ahli agama, tapi saya menyokong apa yang diputuskan oleh Mursyidul Am PAS dan Presiden PAS dalam isu penggunaan kalimah Allah,” kata Mohamad.

Sambil menjelaskan tidak mengikuti perkembangan isu kalimah Allah yang tercetus sejak Krismas lalu kerana baru pulang dari luar negara, Timbalan Presiden PAS itu dilaporkan *Harakah* sebagai berkata, beliau hanya merujuk penggunaan kalimah Allah secara umum di mana PAS memutuskan orang bukan Islam boleh menggunakannya.

### Rujuk secara umum

“Saya tak rujuk terjemahan kitab *Bible*, tapi hanya penggunaan kalimah Allah secara general (umum),” katanya yang jelas bertentangan dengan pendirian Setiausaha Agung PAS, Datuk Mustafa Ali; Ketua Penerangannya, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man dan Pesuruhjaya PAS Selangor, Dr Rani Osman yang menjelaskan kalimah Allah hanya untuk orang Islam.

Di **Georgetown**, Ahli Jawatankuasa PAS + Pusat yang juga Ahli Parlimen Parit Buntar, Datuk Dr Mujahid Yusof Rawa mengaku pernah menyokong cadangan penggunaan kalimah Allah oleh agama lain di sebuah gereja di Perai, dua tahun lalu.